



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2022**  
**TINGKATAN LIMA**  
**PENDIDIKAN ISLAM**

**1223/1**

**Kertas 1**

2 jam 30 minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **5** halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ هَذَا بَيَانٌ  
لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ .

(Surah Al-Imran : ayat 137-138 )

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** jenis qalqalah dalam hukum tajwid. [2 markah]
- (c) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:  
سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإِمَامُ الْعَادِلُ , وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ  
رَبِّهِ , وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ , وَرَجُلَانِ تَحَابَّبَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ ,  
وَرَجُلٌ طَلَبْتَهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : إِيَّيَّيْ أَحَافُ اللَّهُ , وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحْفَى  
حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ , وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .

( متفق عليه )

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah bergaris. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT di akhirat nanti. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** contoh orang yang mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. [4 markah]


2 (a) Al Syahid merupakan salah satu daripada Asmaul Husna.

(i) Apakah maksud al Syahid?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al Syahid.

[4 markah]



(iii) Graf di atas menunjukkan kadar jenayah yang membimbangkan dalam kalangan remaja di Malaysia walaupun mereka mengetahui Allah SWT bersifat al Syahid.

Pada pandangan anda, mengapakah hal ini masih berlaku?

[4 markah]

(b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal dan terpengaruh dengan ajaran sesat.

(i) Apakah maksud iman terbatal melalui iktikad?

[2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** contoh perkataan yang membatalkan iman.

[2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman.

[2 markah]

(iv) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat.

[4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud haji. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** rukun haji. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara haji dan umrah dari aspek waktu dan perkara wajib. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud idah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan tempoh idah bagi situasi berikut :  
 a. Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid.  
 b. Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi. [2 markah]
- (c) Nyatakan dua jenis talak. [2 markah]
- (d) 

Encik Hasan telah mempunyai seorang isteri tetapi beliau berhasrat untuk berkahwin lagi.
--

  
 Kemukakan pandangan anda terhadap situasi Encik Hasan. [4 markah]
- 4 (a) Kerajaan Khulafa ar Rasyidin telah diperintah oleh empat orang khalifah yang berwibawa.
- (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar Al Khattab. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pencapaian kerajaan Khulafa ar Rasyidin dari aspek ekonomi. [4 markah]
- |  |
|--|
| Inovatif :<br>Menubuhkan angkatan tentera laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir. |
|--|
- (iii) Pernyataan di atas merupakan salah satu ciri kepimpinan Saidina Uthman bin Affan. Bagaimanakah sifat ini boleh dipupuk dalam kalangan pelajar agar melahirkan masyarakat yang maju? [4 markah]
- (b) Professor Ahmad bin Ibrahim adalah salah seorang tokoh ilmunan yang terkenal.
- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Professor Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** sumbangan Professor Ahmad bin Ibrahim dari segi penghasilan karya. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan Professor Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]

- 5 (a) Wasatiyyah menjamin kecemerlangan umat.
- (i) Nyatakan maksud wasatiyyah. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** contoh aspek keseimbangan dari segi rohani. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [2 markah]
  - (iv) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah. [4 markah]
- (b) Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** kepentingan menjaga alam sekitar kepada kehidupan kita. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** kesan kerosakan alam sekitar. [2 markah]



- (iv) Gambar di atas menunjukkan pencemaran alam sekitar. Berdasarkan gambar di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan masyarakat dalam menangani situasi tersebut daripada terus berleluasa. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**